

UNIT 5


PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN



INFO RINGKAS


Haiwan yang Telah Pupus

- 1 Pupus bermaksud telah lenyap sama sekali dari muka bumi.
- 2 Haiwan-haiwan yang telah pupus:
(a) Serigala Tasmania (b) Burung Dodo




(c) Mamot

(d) Dinasour



(c) Quagga

(d) Harimau bertaring lengkung



Faktor-faktor yang Menyebabkan Haiwan dan Tumbuhan Diancam Kepupusan

- 1 Pemusnahan habitat
- 2 Pemburuan haram
- 3 Pencemaran
- 4 Bencana alam
- 5 Pemanasan global

Haiwan dan Tumbuhan yang Diancam Kepupusan

- 1 Ancaman kepupusan berlaku apabila bilangan sesuatu haiwan atau tumbuhan semakin berkurangan dan hampir pupus.
- 2 Contoh haiwan dan tumbuhan yang mengalami ancaman kepupusan.
(a) Periuk kera
(b) Pokok tongkat ali
(c) Orkid selipar
(d) Bunga pakma
(e) Harimau Malaya
(f) Burung kenyalang

Pemeliharaan Haiwan dan Tumbuhan

- 1 Menjalankan pembalakan terpilih
- 2 Mendidik masyarakat
- 3 Memboikot penjualan produk daripada spesies yang terancam
- 4 menguatkuasakan undang-undang
- 5 Mengitar semula barangan
- 6 Mewartakan hutan dan taman marin sebagai kawasan yang dilindungi

Pemuliharaan Haiwan dan Tumbuhan

- 1 Membina pusat pemuliharaan
- 2 Menanam semula pokok

Kepentingan Pemeliharaan dan Pemuliharaan

- 1 Mengelakkan kepupusan
- 2 Memastikan haiwan dan tumbuhan tidak dieksploitasi secara melampau
- 3 Mengekalkan persekitaran yang bersih dan sihat
- 4 Mengelakkan kehilangan habitat